

05 APR 2001

Polis-Pelabuhan

POLIS BANTUAN PELABUHAN DIBERIKAN SEMULA KUASA MENYIASAT

PELABUHAN KLANG, 5 April (Bernama) -- Polis Bantuan Pelabuhan Malaysia telah diberikan semula kuasa untuk menyiasat kes-kes jenayah dalam kawasan mereka berkuatkuasa hari ini, kata Pengarah Pengurusan Polis Datuk Mohamed Bakri Omar.

Kuasa seumpama itu yang dikurniakan kepada mereka antara 1972 dan 1992 telah dikembalikan semula kepada pasukan polis biasa berikutan penswastaan beberapa pelabuhan utama di negara ini.

Satu upacara diadakan di West Port dekat sini hari ini dengan Mohamed Bakri menyerahkan semula kuasa penyiasatan seumpama itu kepada polis bantuan pelabuhan.

Dengan kuasa seumpama itu diberikan semula, polis pelabuhan boleh melakukan sebahagian tugas-tugas polis biasa untuk menyiasat kes-kes jenayah terpilih dalam kawasan pelabuhan, katanya.

"Sudah pasti, ini adalah satu langkah yang besar, dilakukan untuk memudahkan penyelenggaraan keselamatan di semua pelabuhan di Malaysia," katanya kepada pemberita kemudiannya.

Seksyen 47 Akta Polis Bantuan memberikan kuasa yang sama kepada semua pegawai polis bantuan untuk menyiasat dan menahan bagi kes-kes jenayah seperti yang terkandung dalam Kanun Prosedur Jenayah.

Kuasa-kuasa seumpama itu meliputi semua kes kecuali bagi jenayah berat seperti rompakan besar dan bunuh, katanya.

"Saya yakin bahawa mereka dapat menjalankan kerja dengan baik kerana mereka telah menunjukkan keupayaan dan komitmen dalam menjalankan penyiasatan tertentu yang telah diberikan kepada mereka hingga ke peringkat pendakwaan," katanya.

Pada upacara hari ini, 90 pegawai polis bantuan pelabuhan menerima surat pelantikan mereka sebagai Pegawai Penyiasat dan Pegawai Penolong Penyiasat.

Ketua Sekretariat Polis Bantuan Pelabuhan Mahat Tumin berkata dengan penyerahan semula kuasa menyiasat itu, pegawai polis bantuan juga boleh menjalankan tugas kepolisan biasa terhadap kes-kes berkaitan jenayah perdagangan.

"Tanpa kuasa seumpama itu, kami tidak dapat menjalankan penyiasatan terperinci bagi kes-kes yang melibatkan jenayah pecah amanah oleh syarikat-syarikat perkapalan. Ini termasuk bagi mendapatkan dokumen daripada mereka," katanya.

Yang turut hadir ialah Timbalan Pengarah II Jabatan Siasatan Jenayah Datuk Musa Datuk Hassan dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor Datuk Mangsor Ismail.

-- BERNAMA

RIZ RHM